

Adaptasi Budaya Melayu dalam Pola Kehidupan Masyarakat Orang Asli (Kuala) di Batu Pahat, Johor

Maryam Syafiqha Mohd Sayuti^a, Awang Azman Awang Pawi^a, Dr Nor Azlin Hamidon^a & Jamilah Omar^b

^aUniversiti Malaya, Kuala Lumpur

^bUniversiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim

Email of corresponding author: maryamsayuti@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini membuat tinjauan tentang pola kehidupan komuniti masyarakat Orang Asli (Kuala) yang menetap di Batu Pahat. Tinjauan dilaksanakan menerusi kaedah kualitatif dan berfokus kepada tinjauan pustaka berkaitan dengan Orang Asli (Kuala) dan Orang Melayu tempatan. Tinjauan mendapati bahawa sejarah kedatangan golongan pendatang ini hadir terdahulu daripada masyarakat tempatan di Batu Pahat, walau bagaimanapun tiada maklumat tepat yang tepat. Golongan ini merupakan kelompok Melayu Proto yang datangnya daripada Kepulauan Riau, Sumetara Indonesia iaitu merupakan salah satu kelompok Orang Asli di Malaysia. Sekarang, golongan Orang Asli (Kuala) ini lebih cenderung mengamalkan budaya Melayu dan dalam menuju ke arah menjadi Melayu. Proses asimilasi dan amalgamasi yang dilalui oleh golongan ini sejak sekian lama, telah menyebabkan sebahagian besar mereka tidak lagi mempertahankan budaya yang kurang sesuai dengan corak kehidupan masyarakat Melayu. Pergeseran bukan sahaja berlaku terhadap budaya, malah aspek kehidupan juga mempamerkan keadaan yang sama. Makalah ini cuba mendeskripsikan Orang Asli (Kuala) dan meninjau perubahan budaya dan sosio budaya Orang Asli (Kuala) di Batu Pahat pada masa ini.

Kata Kunci : Orang Asli (Kuala), perubahan, sosio budaya, Batu Pahat

Pengenalan

Perkembangan idea modeniti mempunyai susur galur yang panjang. Modeniti amat berkait rapat dengan kemajuan iaitu melibatkan aspek 'terus maju ke hadapan'. Pendekatan sains moden dianggap serasi bagi memenuhi tuntutan konsep kemajuan moden kerana berjaya meningkatkan kehendak nafsu fizikal manusia pada tahap yang maksimum. Oleh itu, sejarah telah mencatatkan ketamadunan manusia di mana sains dan teknologi dianggap sebagai ilmu alat penting dalam mencapai kemajuan sesebuah ketamadunan. Baharuddin Yatim & Wan Muhammad Wan Muda (1997) pernah membincangkan pernyataan seorang ahli antropologi Barat, Darcy Riberio yang menyatakan hubungkait antara sejarah sains dan ketamadunan. Riberio menjelaskan terdapat pelbagai proses ketamadunan yang berlaku dalam masyarakat. Antaranta adalah penyebaran teknologi, revolusi urbanisasi, revolusi teknologi dan revolusi industri.

Perbincangan tentang kehidupan manusia, adaptasi (penyesuaian) dan perubahan sosiobudaya mestilah berkait rapat dengan isu perkembangan yang dilaksanakan oleh sesebuah kelompok masyarakat itu. Ini kerana perkembangan adalah salah satu usaha manusia untuk mencapai standard yang lebih baik dalam kehidupan seharian mereka, bagi mencapai kebahagiaan dan menuju kepada kehidupan yang lebih makmur. Pembangunan merupakan satu proses perubahan yang dibuat oleh manusia secara berterusan dilaksanakan oleh kerajaan (pemerintah) melalui pelbagai program sama ada yang melibatkan beberapa sektor sama ada dilaksanakan di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Menurut Ahmad Hakimi, realiti perubahan kebudayaan bagi sesuatu kebudayaan telah dianggap sebagai sate titik permulaan bagi kajian tentang hubungan etnik mengikut pemikiran sarjana

antropologi kebudayaan (Ahmad Hakimi, 2006: 43). Hubungan etnik dikatakan telah berlaku sekiranya dua atau lebih kebudayaan yang berlainan yang masing-masing telah mencapai tahap kestabilan dinamika bertembung di dalam satu masyarakat yang sama dan terkawal (Ahmad Hakimi 2006: 44). Pertembungan ini menyebabkan kebudayaan mengikut konsep antropologi kebudayaan, di antara pertembungan kebudayaan ini dianggap sebagai sesuatu rangsangan luar yang mampu mempengaruhi perubahan sesebuah kebudayaan (Ahmad Hakimi 2006: 44).

Seterusnya, sesuatu kebudayaan yang mengalami perubahan kebudayaan yang disebabkan oleh pertembungan kebudayaan itu akan mengakibatkan pengubahsuaian kebudayaan itu. pengubahsuaian kebudayaan itu dipanggil akulturasi dalam bidang tersebut bukan satu amal atau polisi yang ingin ditangkakan di negara kita, mengikut pandangan pengkaji antropologi kebudayaan (Ahmad Hakimi 2006: 45). Secara ringkasnya, menurut Ahmad Hakimi, semua proses pertembungan kebudayaan akan mengakibatkan satu proses yang dipanggil pengubahsuaian akulturasi, dan ahli-ahli antropologi kebudayaan juga mencadangkan beberapa bentuk pengubahsuaian kebudayaan yang mungkin akibat pertembungan kebudayaan atau hubungan etnik (Ahmad Hakimi 2006: 46). Beliau menyatakan terdapat empat bentuk akulturasi (pengubahsuaian kebudayaan) yang mungkin berlaku, iaitu segregasi, akomodasi, asimilasi dan amalgamasi (Ahmad Hakimi 2006:46).

Dalam kes ini, minoriti mengubah unsur-unsur budaya dan menyesuaikan ia dengan budaya majoriti dengan cara demikian untuk secara beransur-ansur kehilangan budaya, personaliti. Oleh itu boleh dikatakan bahawa perubahan identiti etnik dan menerapkan kecenderungan boleh berlaku sekiranya terdapat interaksi berbeza, menjadikan dan jika ada kesedaran daripada setiap kumpulan.

Perbincangan

Menurut Amran Kasimin (1993) terdapat tiga (3) kumpulan etnik utama yang ada di Semenanjung Tanah Melayu. Setiap kumpulan ini dibahagikan kepada kelompok-kelompok suku yang tersebar di beberapa petempatan di kawasan perhutanan, kawasan gunung ganang, pulau dan yang berdekatan dengan laut atau kuala sungai. Terdapat beberapa persamaan dari segi keturunan darah, adat resam dan mitologi. Mereka merupakan golongan yang datang dan tiba di Tanah Melayu lebih awal daripada Orang Melayu, Cina dan India.

Menurut Idris (1968) membahagikan Orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu (i) Orang Negrito, (ii) Orang Senoi dan (iii) Orang Melayu Proto. Orang Negrito dibahagikan kepada enam suku kaum iaitu Kensui yang berada di timur laut Kedah, Kintaq yang berada di sempadan Kedah dan Perak, Jahai yang berada di timur laut Perak dan sebelah barat Kelantan, Lanoh yang berada di utara Perak tengah, Mendriq yang berada di tenggara Kelantan serta Bateq yang berada di timur laut Pahang dan selatan Kelantan. Seterusnya, Orang Senoi pula dibahagikan kepada beberapa kumpulan utama iaitu Semai yang berada di timur laut Pahang dan selatan Perak, Temiar yang berada di utara Perak dan selatan Kelantan, Jahut yang berada di Pahang dan Che Wong yang berada di kawasan pantai Selangor. Kumpulan terakhir Orang Asli merupakan Orang Melayu Proto. Semua suku kaum Melayu terdapat di bahagian selatan Semenanjung Malaysia iaitu Johor. Melayu Proto terdiri daripada tujuh suku kaum iaitu Temuan, Semelai, Temoq, Jakun atau Orang Ulu, Orang Kanaq, Orang Laut dan Orang Seletar.

Gambar rajah berkaitan dengan pecahan Orang Asli dapat dilihat dibawah. Data ini turut dicatatkan dalam JKEOA, 2012. Oleh yang demikian, dalam kajian ini golongan Melayu Proto akan dikaji dengan teliti dengan memperlihatkan adaptasi yang berlaku dalam masyarakat ini dan proses adaptasi yang dialami oleh masyarakat ini.

Orang Negrito	Orang Senoi	Orang Melayu Proto
<ul style="list-style-type: none"> •Kensui yang berada di timur laut Kedah •Kintaq yang berada di sempadan Kedah dan Perak •Jahai yang berada di timur laut Perak dan sebelah barat Kelantan •Lanoh yang berada di utara Perak tengah •Mendriq yang berada di tenggara Kelantan •Bateq yang berada di timur laut Pahang dan selatan Kelantan 	<ul style="list-style-type: none"> •Semai yang berada di timur laut Pahang dan selatan Perak •Temiar yang berada di utara Perak dan selatan Kelantan •Jahut yang berada di Pahang •Che Wong yang berada di kawasan pantai Selangor 	<ul style="list-style-type: none"> •Temuan •Semelai •Temoq •Jakun atau Orang Ulu, •Orang Kanaq •Orang Laut •Orang Seletar

Gambar rajah 1 : Pembahagian kaum masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Di negeri Johor khususnya Batu Pahat, terdapat 13, 139 termasuk kaum Senoi dan kaum Negrito manakala dalam kelompok Melayu Proto melibatkan satu jumlah besar iaitu 13, 083 iaitu diketuai oleh Orang Kuala yang merupakan jumlah terbesar dalam suku Melayu Proto. (JKOA, 2010). Walaupun bagaimanapun, melalui pecahan bancian yang dinyatakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli, tiga suku kaum iaitu Seletar, Kanaq dan Kuala hanya boleh didapati di negeri Johor, mereka ini tidak boleh didapati di negeri lain kerana ada pembuktian keterlibatan mereka dalam golongan bangsawan pada suatu masa dahulu.

Kebanyakannya, tiga suku kaum ini menetap di kuala-kuala sungai di pesisiran pantai negeri Johor seperti Minyak Beku, Rengit, Bakar Batu di Johor. Malah, terdapat beberapa pembacaan yang menyatakan Orang Kuala dipercayai berasal dari kepulauan Riau Lingga dan kawasan yang berhampiran dengan pantai Sumatera, Indonesia. Walau bagaimanapun, pada hari ini suku kaum Orang Kuala telah menetap di daerah Batu Pahat dan di daerah Pontian. (Soijah Likin & Nazaruddin Zainun, 2015). Terdapat 315 buah keluarga orang Kuala yang menerap di Batu Pahat iaitu melibatkan lima buah kampung yang berjumlah seramai 1,309 orang. (JKEOA, 2012).

Analisis

a) Orang Asli (Kuala) Kampung Bumiputera Dalam, Rengit

Orang Asli (Kuala) merupakan suku kaum yang mengamalkan agama Islam, bercakap dalam bahasa Melayu, menerima pendidikan di sekolah kebangsaan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan begitu giat dalam aktiviti politik seperti contoh salah seorang ahli keluarga suku kaum Orang Asli (Kuala) Rengit merupakan Senator dalam Kabinet sebagai wakil suara Orang Asli seluruh Malaysia iaitu Yang Berhormat Osman Busu. Manakala dalam aspek perkahwinan, mereka telah mula berkahwin dengan masyarakat tempatan seperti orang Melayu di Batu Pahat. Secara tidak langsung, proses adaptasi itu berlaku dalam masyarakat ini hasil penyatuan antara budaya Melayu dan budaya Orang Kuala dan pada akhirnya kedua-dua budaya ini digabungkan dan menjadi suatu budaya yang amat cantik dan berjaya melahirkan sebuah kelompok minoriti yang berkembang pesat.

Menurut Soijah & Nazaruddin Zainun (2017) arus pemodenan telah menyebabkan kepupusan bahasa ibunda. Ini kerana hasil daripada proses interaksi yang berlaku antara masyarakat tempatan mereka lebih gemar menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara. Walau bagaimanapun, nenek moyang atau generasi awal masih mengamalkan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Duano. Generasi moden tidak lagi mendalami bahasa ini kerana proses adaptasi yang dilaksanakan terhadap golongan ini iaitu melibatkan pendidikan begitu menekankan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pembelajaran seharian di sekolah. Maka, tidak hairanlah golongan muda orang Kuala pada hari ini telah

mula kehilangan bahasa ibunda mereka.

Seterusnya, dalam aspek ekonomi mereka begitu giat dalam penjualan barangan terpakai di satu tapak khas di Batu Pahat iaitu digelar sebagai Pasar Karat Batu Pahat. Operasi pemiagaan bermula seawal pukul 10 pagi dan berlanjutan sehingga 4 pagi setiap hari dengan deretan kenderaan yang masuk ke situ bertambah pada waktu petang. Setiap golongan masyarakat seperti Melayu, Cina dan India pergi ke pasar karat untuk membeli barangan terpakai dengan harga yang sangat berpatutan. Oleh yang demikian, secara tidak langsung proses adaptasi sekali lagi berlaku di kalangan mereka. Gambar di bawah menjelaskan keadaan di Pasar Karat orang Kuala Rengit.



Gambar 1: Pasar Karat Orang Kuala Rengit dan memperlihatkan seorang warga emas Cina dan seorang Melayu yang sedang mencari barang untuk dibeli.

b) Orang Asli (Kuala) Taman Banang, Minyak Beku

Manakala Orang Asli Kuala Minyak Beku begitu banyak penglibatannya dalam penjualan ikan di pasar basah Batu Pahat. Orang Asli (Kuala) Minyak Beku turut banyak memperlihatkan terpengaruh dengan budaya masyarakat tempatan khususnya orang Melayu dan orang Cina. Ini kerana mereka telah menjalinkan perhubungan sejak zaman kegemilangan Melaka lagi yang mana dalam teks Sulalatus Salatin membuktikan kewujudan mereka amat penting dalam memperihal selok belok Laut China Selatan. Mereka begitu tinggi nilainya sehinggakan mereka merupakan salah sebuah golongan yang sangat dipengaruhi pada zaman dahulu.

Mereka lebih bergiat aktif sebagai nelayan kerana kawasan mereka lebih dekat dengan laut. Walau bagaimanapun, kelompok orang Kuala Minyak Beku tidak begitu mementingkan pendidikan dalam kalangan mereka. Mereka lebih meneruskan pembelajaran secara tidak formal seperti belayar dan menjadi nelayan. Ini merupakan satu perbezaan besar di antara golongan Orang Kuala Rengit dengan mereka. Anak-anak orang Kuala Minyak Beku ditempatkan di sekolah-sekolah berhampiran dengan petempatan mereka walau bagaimanapun mereka tidak begitu mementingkan pendidikan dan menganggap pendidikan sebagai satu keperluan yang perlu dipenuhi sahaja bukan untuk dicapai secara maksimum. Manakala dalam pengamalan agama Islam, mereka agak kurang mengamalkan agama Islam dengan baik walaupun di petempatan mereka dibina sebuah surau khas buat kaum mereka. Bahkan juga, melalui aspek perkahwinan mereka lebih mengamalkan sistem perkahwinan dalam kelompok mereka sahaja. Secara tidak langsung, tidak banyak proses adaptasi dapat dilaksanakan dalam golongan orang Kuala di Minyak Beku. Mereka lebih bersifat konservatif jika dibandingkan dengan masyarakat orang Kuala di Rengit. Gambar di bawah menjelaskan kedudukan mereka dalam sistem ekonomi Batu Pahat khususnya dalam penjualan ikan hasil tangkapan sendiri.

Gambar 3: Seorang peniaga yang merupakan kelompok orang Kuala Minyak Beku sedang sibuk menjual ikan sehingga habis dijual.



Kesimpulan

Proses interaksi sosial mempengaruhi proses atrikulasi kehidupan etnik Orang Kuala di daerah Batu Pahat berdasarkan aspek-aspek kehidupan adalah mengikut teori etnogenesis yang diperkembangkan daripada teori masyarakat majmuk, dengan bentuk interaksinya yang

mengikuti putaran kontak, akulturasi, intergrasi dan pluralisme yang sepenuhnya mematuhi dan memenuhi kesemua ciri-ciri di dalam konsp tersebut dari segi sosiologi. Dari segi antropologi kebudayaan pula, satu pengubahsuaian kebudayaan atau akulturasi telah berlaku di antara etnik Melayu dan Arab yang membentuk etnik Jawi Peranakan hasil daripada perkahwinan campur kedua-dua etnik tersebut. Dua jenis akulturasi yang berlaku semasa pengubahsuaian ini adalah asimilasi dan akomodasi.

Beberapa nilai dan sikap kedua-dua budaya iaitu etnik Melayu dan etnik Arab telah menyumbang kepada proses akomodasi. Sikap keterbukaan etnik Melayu, nilai keterbukaan dan juga sikap kepercayaan terhadap orang lain yang tinggi serta penerimaan etnik Orang Kuala yang dari dahulu. Perwatakan dan juga nilai keagamaan kelompok asal etnik Orang Kuala juga menjadi salah satu sebab penerimaan etnik Melayu sehingga melibatkan proses perkahwinan campur di antar kedua-dua etnik. Peranan etnik Orang Kuala di dalam hal-hal ekonomi juga menjadi faktor penerimaan yang berlaku sebagai contoh beberapa responden mempunyai perniagaan yang berpusat di Batu Pahat

Masyarakat Melayu Batu Pahat secara terbuka disebabkan keupayaan kelompok Orang Kuala dan menyesuaikan diri mereka kepada persekitaran Malaysia. Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati, peranan kebudayaan yang begitu penting membentuk persekitaran dan interaksi sosial masyarakat. Kedua-dua etnik mempunyai banyak persamaan dari aspek nilai dan falsafah hidup, ketuhanan dan amalan dalam kehidupan yang menunjukkan banyak persamaan termasuklah aspek bahasa, makanan (halal dan haram), pakaian (konsep menutup aurat), kegiatan ekonomi dan juga aktiviti kesenian yang kesemuanya saling pengaruh mempengaruhi.

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian ini satu kesimpulan telah dapat diputuskan bahawa isu atau elemen utama dalam hubungan dan interaksi sosial sesebuah masyarakat banyak bergantung kepada isu-isu kebudayaan yang wujud dalam masyarakat tersebut. Namun sebagai usaha pengekal etnik yang wujud dari pertembungan dua etnik utama, maka pengekal dan kejelasan mengenai nilai dan budaya yang diwarisi perlu dijelaskan dengan menyeluruh dan tekal. Pertembungan dengan unsur-unsur budaya yang lebih besar akan menjadi penghalang pengekal etnik Jawi Peranakan daripada berkembang.

Bibliografi

Khairuddin, Ahmad Hakimi. (2007). **Falsafah di Sebalik Kaedah Penelitian Turut Serta: Satu Kaedah Penyelidikan Antropologi Kebudayaan**, dalam *Wacana Persuratan Melayu*. Zahir Ahmad, Mohd Taufik Arridzo, Mohd Balwi dan Madiawati Mustafa (peny.) Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu

_____ (2006) **Pengenalan Kepada Teori-teori Hubungan Etnik**. Satu Manuskrip yang belum diterbitkan.

Khairuddin, Ahmad Hakimi dan Borhan, Zainal Abidin (2007). **Bidang-bidang Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial: Falsafah dan Pemikiran di Sebaliknya**. Kertaskerja yang dibentangkan di Bengkel *Persiapan Pendirian* Fakultas Ilmu Budaya, anjuran Universiti Haluloe di Universiti Haluoleo, Kendari, Indonesia pada 18 hingga 9 Ogos 2007.

Khairuddin, Ahmad Hakimi dan Abu Hassan, Zamree (2007) **Penyelidikan Sosio Budaya Melayu: Antara Sains Sosial dan Kemanusiaan**. Kertaskerja yang dibentangkan di *Seminar Sebahtera 2008*, anjuran Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kemanusiaan dan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 22 Disember 2008.

Kasimin, Amran. (1993). Agama & Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Muka Surat 3-10.

Zainun, Nazaruddin dan Likin, Soijah (2015). Almanak dan Pelangkah: Panduan Perantau Jawa dan Suku Duano. Pulau Pinang: Penerbit Univerisiti Sains Malaysia. Muka surat 2.

Zainun, Nazaruddin dan Likin, Soijah (2015). Sistem Barter Antarabangsa antara Wanita Orang Asli Kuala degan Penduduk Singapura: Kajian Kes Orang Asli Kuala di Pontian, Johor. Pulau Pinang: Penerbit Univerisiti Sains Malaysia. Muka surat 20.

Zainun, Nazaruddin dan Likin, Soijah (2013). Ke Darat Lambat Menuai, ke Laut Ada Hasil: Kajian Kes Orang Asli Kuala di Pontian, Johor. Pulau Pinang: Penerbit Univerisiti Sains Malaysia. Muka surat 4-5.

Zainun, Nazaruddin dan Likin, Soijah (2017). Proses Sosial dan Kepupusan Bahasa Duano dan Bahasa Jawa di Pintian Johor. Pulau Pinang: Penerbit Univerisiti Sains Malaysia. Muka surat 1.

Kling, Zainal. (1994). **Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori. Syarahan Perdana Untuk Pengukuhan Profesor** Kuala Lumpur: Universiti Malaya